

Anwar kesal pihak kritik bawa warga Palestin ke Malaysia

Johor Bahru: Datuk Seri Anwar Ibrahim menampelak pihak yang mengkritik tindakan kerajaan membawa pulang pesakit warga Palestin dan waris mereka untuk mendapatkan rawatan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan membawa pulang 40 rakyat Palestin yang cedera itu adalah usaha kecil kerajaan jika dibandingkan dengan jumlah 40,000 mangsa yang terkorban disebabkan kekejaman rejim Zionis.

“Semalam (kelmarin) kita bawa anak-anak Palestin yang cedera parah kerana kekejaman tentera rejim Israel... (rakyat Palestin) dibunuh, rumah dibom, wanita diperkosa dengan zalim, itu pun (tindakan bawa balik) dicerca, ditohmah.

“Ada orang kata Anwar tak payah jadi Perdana Menteri Malaysia, pergi jadi Perdana Menteri Palestin kalau nak tolong sangat.

“(Hakikatnya) ini adalah bantuan kecil dilaksanakan kita yang mempunyai sedikit kelebihan. Jadi, kalau tanya saya syukur kepada Allah kerana ada juga perasaan ihsan timbang rasa untuk meringankan beban mereka,” katanya ketika berucap pada penutup Program Madani Rakyat Zon Selatan 2024 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), di sini semalam.

Kelmarin, dua pesawat Airbus A-400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dilaporkan selamat mendarat di Pangkalan Udara Subang di Selangor membawa 41 pesakit dan 86 waris yang berlepas dari Pangkalan Udara Al Maza, Mesir.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, usaha membawa rakyat Palestin menerima rawatan ke negara ini adalah satu tindakan berisiko tinggi, lantas memerlukan pasukan yang mempunyai pengetahuan terhadap risiko yang bakal dihadapi.

Sehubungan itu, beliau tidak faham kritikan segelintir pihak yang mencerca tindakan kerajaan menggunakan pesawat TUDM berbanding menaiki pesawat komersial.

“Kita guna pesawat TUDM kerana (kita perlu) ambil mereka di sempadan Mesir yang sedang bergolak, kalau guna pesawat komersial kemungkinan berisiko ditembak peluru berpandu Israel.

“Mereka (pasukan TUDM) yang ada dalam pesawat itu bukan sahaja mahir, malah tahu terhadap risiko berkenaan,” katanya.